

Pembangunan ibu negara untuk semua

- **PM mahu perancangan tidak pinggirkan rakyat, bukan hanya untuk golongan elit**
- **Pembangunan semula kawasan perumahan lama beri kehidupan lebih baik kepada rakyat**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Pembangunan di ibu negara tidak hanya boleh tertumpu kepada pembinaan gedung dan hotel besar untuk menarik kemasukan pelancong, sebaliknya perlu merangkumi pembangunan yang memanfaatkan rakyat kebanyakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perancangan sebelum ini selalunya menjurus dalam kalangan golongan 'elit, namun kurang ditumpukan kepada gerai makanan, kawasan perumahan dan bangunan bersejarah yang masih boleh dikaji.

Sehubungan itu katanya, setiap perancangan pembangunan sekarang perlu secara



ANWAR (tengah) pada Majlis Peluncuran Warisan Kuala Lumpur di Menara 1 DBKL di Kuala Lumpur semalam.
- ISKANDAR ISHAK

langsung dan tuntas memusatkan kepada keperluan negara moden yang tidak meminggirkan rakyat marhaan.

"Kita tidak menolak untuk Kuala Lumpur menarik pelancong dan juga rakyat termasuk

golongan elit yang perlukan hotel tujuh bintang, restoran yang megah dan hebat, tiada masalah. Dia nak makan, dia bayar itu soal dia.

"Tetapi jangan kita fikir pembangunan bererti pemusatan ke

arah itu sedangkan 80 peratus rakyat di warung, gerai, restoran kecil. Ini harus diberi perhatian namun ala kadar, tetapi kalau kita lihat kebanyakan staf kita daripada golongan itu. Jadi kita tukar 'mindset'

"Kalau orang tanya saya Kuala Lumpur nak banggakan apa? Gedung besar ya, tapi saya lebih bangga majoriti rakyat dapat rumah selesai, makanan dan sewa gerai lebih murah, bersih dan indah.

"Ini baru memaknai madani. Saya tidak mahu madani jadi slogan lunak, tetapi tidak memberi bekas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Peluncuran Warisan KL di Menara 1 DBKL di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, pembangunan semula kawasan perumahan lama di ibu negara bukan agenda mengusir orang Melayu, sebaliknya untuk memberi kehidupan yang lebih baik kepada rakyat.

Katanya, usaha baik itu malangnya dijadikan bahan politik penuh cacian konon mahu merampas tanah Melayu dan agenda mengusir Melayu.

"Saya tidak mengerti politik begini kerana status tanah tidak berubah.

"Kalau flat Sri Perlis pada saya paling 'melemaskan', saya tidak bangga sebagai Perdana Menteri kalau tidak dapat lakukan apa-apa bangunan flat Sri Perlis.

"Apabila dibangunkan pada tahun 1961, itu upaya negara masa itu, satu kamar, satu bilik mandi dan tandas," katanya.